

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai program peluang kedua kepada individu yang diisytiharkan muflis untuk meningkatkan keupayaan agar mereka boleh bangun dan berdikari kembali untuk mengubah nasib diri mereka.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, tiada program khas peluang kedua disediakan kepada individu yang diisytiharkan muflis.
2. Namun, bagi bankrap yang memberikan kerjasama seperti hadir ke Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) untuk membincangkan penyelesaian kes, memenuhi komitmen pelan pembayaran yang telah dipersetujui serta telah berjaya menyelesaikan sebahagian besar jumlah hutang, mereka akan dibantu untuk mendapatkan pelepasan kebankrapan.
3. Pada masa yang sama, Kerajaan kini sedang memuktamadkan suatu akta baru dengan penambahbaikan bagi menggantikan Akta Kebankrapan sedia ada.

Sekian, terima kasih.